TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MARA TERAJU JALINAN INDUSTRI SUSUN KEPERLUAN 25,100 TENAGA MAHIR DI MELAKA - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 3 NOVEMBER 2026

MARA Teraju Jalinan Industri Susun Keperluan 25,100 Tenaga Mahir Di Melaka – Ahmad Zahid

03/11/2026 03:01 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada Majlis Perasmian Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA 2026 di Dewan Alamanda, Jasin hari ini.

JASIN, 3 Nov (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (MARA) digesa menjadi peneraju utama bersama rakan industri untuk menyusun keperluan guna tenaga mahir secara strategik bagi mengisi 25,100 potensi peluang pekerjaan baharu di Melaka.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi turut menyeru belia yang mengikuti bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya melengkapkan diri dengan kemahiran tambahan dalam teknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI) dan analisis data.

Beliau berkata langkah itu penting memandangkan Melaka mencatatkan pelaburan berjumlah RM28.96 bilion membabitkan 752 projek sepanjang 2023 hingga 2025.

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MARA TERAJU JALINAN INDUSTRI SUSUN KEPERLUAN 25,100 TENAGA MAHIR DI MELAKA - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 3 NOVEMBER 2026

"Saya mahu MARA menjadi peneraju bersama institusi latihan dan pemain industri mengenal pasti keperluan ini lebih awal. Susun latihan, sediakan pendedahan industri dan bina laluan pengambilan graduan sebelum operasi bermula.

"Apabila pintu industri dibuka, anak-anak Melaka mesti sudah bersedia untuk melangkah masuk," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA 2026 Negeri Melaka di Dewan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Alamanda Jasin, di sini hari ini.

Menyentuh penyediaan infrastruktur pendidikan, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menzahirkan kebanggaan atas komitmen Kerajaan Negeri Melaka menyediakan peruntukan khas RM10 juta bagi membangunkan *Melaka TVET Centre of Excellence*.

Bagi melengkapkan ekosistem itu serta merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai sebuah "Negara Pencipta", beliau mahu pelajar TVET tidak hanya terikat dengan sukatan pelajaran, sebaliknya berani meneroka kemahiran lain bagi memastikan mereka terus ditawarkan gaji premium.

"Kalau belajar automotif, tambah pengetahuan elektronik. Kalau belajar perniagaan, kuasai penggunaan data dan AI. Jangan berhenti pada apa yang diajar dalam kelas. Cari latihan, ambil pensijilan tambahan dan bina kepakaran yang membuatkan majikan berkata 'anak Melaka ini kita mesti ambil'.

"Kalau minat permainan digital, cuba bangunkan permainan sendiri. Kalau minat kereta, belajar bagaimana sistemnya berfungsi ... mana tahu suatu hari nanti anda membangunkan teknologi kenderaan elektrik sendiri," jelas beliau.

Ahmad Zahid berkata gabungan penguasaan kemahiran teknologi tinggi berserta keluhuran budi pekerti, seperti keupayaan bekerja berpasukan dan menepati masa bakal meletakkan graduan TVET negara pada tahap yang cemerlang pada mata dunia.

-- BERNAMA